

Demokrasi, nafsu dan 'air beku' dalam Umno

Oleh A R KAMALUDIN

SETELAH agak lama juga orang menunggu reaksi Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed mengenai pertandingan peringkat tinggi kepimpinan Umno 24 April depan, Khamis lalu beliau mempamerkannya dengan penuh 'style' di Kota Bharu, Kelantan yang dianggap oleh pemerhati-pemerhati politik sebagai amat berkesan.

Perdana Menteri tidak mengecam sesiapa. Beliau juga tidak menyelar sebarang tokoh tertentu atau menjawab fitnah-fitnah ke atasnya walaupun laporan-laporan menunjukkan kedudukan beliau selaku Presiden Umno mungkin dicabar dalam pemilihan itu nanti.

Sebaliknya, tanpa sebarang emosi Datuk Seri Dr Mahathir hanya memberikan nasihat kepada setiap ahli parti itu supaya memahami hakikat sebenar mengenai dasar perjuangan Umno, konsep demokrasinya, sejarah pergolakannya sebelum ini dan harapan bangsa Melayu ke atas Umno selaku parti tunjang kerajaan.

Beliau menyarankan kepada mereka supaya tidak mengkhianati perjuangan parti itu dan lebih penting tidak mengkhianati harapan seluruh orang Melayu, bukan sahaja bagi masa ini tetapi juga untuk anak cucu mereka di dekad-dekad akan datang.

Datuk Seri Dr Mahathir tidak mahu, jika boleh, sejarah Umno nanti dikaji orang sama seperti kita sekarang membaca sejarah keagungan dan kekuatan umat Islam di bumi Arab di zaman silam dan kini hanya boleh berbangga dengan tinggalan-tinggalan bangunan yang tersergam indah yang dijadikan sumber tarikan pelancong semata-mata.

Orang Melayu di Malaysia sehingga ini masih yakin bahawa Umno sahaja dapat membela nasib mereka, agama mereka dan segala aspirasi mereka, "bukan sahaja untuk masa ini, tetapi juga untuk anak cucu dan cicit mereka pada masa-masa akan da-

tang di bumi tanahair mereka sendiri."

Sepanjang ucapan empat puluh minitnya sewaktu merasmikan Bangunan Umno Negeri Kelantan berharga \$4.9 juta itu, Perdana Menteri lebih menekankan agar ahli-ahli Umno memelihara perpaduan dalam parti itu.

Katanya, Umno akan hancur sekiranya perpaduan di kalangan ahli juga runtuh dan akhirnya semua harapan orang Melayu kepada parti itu juga akan musnah, "dan segala keseronokan kerana memenangi pertandingan tidak lagi bermakna."

Sehubungan itu beliau memberi amaran mengenai musuh Umno yang menurutnya tidak semestinya berada di luar seperti yang sering diperkata dan dihebohkan, "sebaliknya dalam diri kita sendiri."

Dengan kata-kata lain, Datuk Seri Dr Mahathir mengajak ahli-ahli Umno memerangi musuh dalam diri mereka sendiri terlebih dahulu sebelum memerangi musuh di luar parti. Musuh dalam diri sendiri itu, seperti yang dijelaskannya, ialah niat dan nafsu yang lebih berbahaya.

"Kalau kita tidak berupaya mengawal niat dan nafsu kita, walaupun kita menang dalam apa juga pertandingan untuk sebarang kedudukan dalam parti, maka kemenangan itu tidak lagi bermakna apa-apa, baik kepada diri pemenang itu sendiri mahupun Umno apabila perpaduan yang menjadi landasan kekuatan parti turut menjadi korban," katanya.

Asas perjuangan

Presiden Umno jelas sekali bimbang dengan musuh jenis ini dan mengaitkan niat nafsu itu dengan sistem demokrasi yang menjadi asas perjuangan Umno. Katanya, ahli-ahli Umno patut berterima kasih kepada pemimpin-pemimpin mereka yang terdahulu kerana memilih demokrasi sebagai asas perjuangannya.

Pemimpin-pemimpin Umno terdahulu tidak memilih sistem diktator untuk dijadikan asas perjuangan parti kerana mereka tahu, "seperti juga kita sekarang tahu bahawa sistem dan corak diktator yang memberikan kuasa mutlak kepada pemimpin itu tidak baik serta bertentangan sama sekali dengan budi bicara dan adat resam bangsa Melayu."

Sebaliknya, menerusi sistem demokrasi yang dibalut oleh falsafah serta matlamat perjuangan ke arah membela nasib orang

Melayu, menegakkan agama Islam dan ketahanan negara, ahli-ahli Umno berpeluang menentukan kepemimpinan mereka. Demokrasi dalam Umno, seperti juga dalam sistem pentadbiran negara, tidak menyekat atau menghalang sesiapa sahaja untuk menawarkan diri berkhidmat sebagai pemimpin — baik di peringkat cawangan, bahagian, negeri mahupun kebangsaan.

Tetapi, tegasnya, kedudukan yang diperolehi itu bukan untuk kepentingan sendiri atau peribadi, tetapi untuk Umno dan bangsa Melayu, "kerana khidmat mereka menerusi Umno juga sekaligus adalah tanggungjawab dan bukannya keistimewaan untuk diri sendiri."

Datuk Seri Dr Mahathir agak memeranjatkan juga apabila beliau menghubbungkan perpaduan di kalangan manusia, khususnya dalam Umno, dengan pepatah Melayu yang menyebut 'air yang dicincang tidak akan putus,' kerana ramai orang berkata bahawa mereka tetap bersatu dan tidak mudah dipecahbelahkan.

Kepada beliau, di zaman sains dan teknologi sekarang, pepatah itu seolah-olah tidak boleh dipakai lagi. Ini mungkin disebabkan perkembangan sains dan teknologi juga turut berfungsi membentuk niat dan nafsu manusia, termasuk dalam keluarga sendiri.

Kata beliau, "Memang benar air yang ditetak tidak akan putus, tetapi jika air yang sudah beku, apabila dicincang, ia tetap akan putus." Dan beliau berharap setiap ahli Umno supaya memelihara perpaduan mereka tidak jadi beku, "Jika sudah ada yang beku, marilah sama-sama kita mencairkannya."

Orang tua Melayu dahulu biasanya mengaitkan pepatah itu bila bercakap mengenai perpaduan terutama dalam keluarga. Hari ini, kita melihat bahawa ransangan dan pengaruh politik dalam dunia dan manusia Melayu, sudah melihat perpecahan 'bagai berkerat rotan berpatah arang' dalam keluarga orang Melayu.

(Kedatangan Perdana Menteri sebenarnya berlaku ketika krisis politik Sarawak sedang hebat yang umum mengetahui sebanyak sedikit membabitkan tokoh-tokoh penting yang ada hubungan keluarga.)

Menurut Presiden Umno itu, Umno bukan milik sesiapa atau mana-mana pemimpinnya. "Ia tidak pernah dan tidak akan menjadi milik Allahyarham Datuk Onn, Tunku Abdul Rahman, Allahyarham Tun Razak, Tun Hussein Onn atau Dr Mahathir. Umno.

sebaliknya, milik hampir 1.4 juta ahlinya dan seluruh orang Melayu di negara ini," ujarnya.

Yang penting, penggunaan demokrasi sebagai proses pemilihan pemimpin itu dilaksanakan sebaik-baiknya menurut budibicara demokrasi itu sendiri. "Kita memang boleh bertanding, tetapi biarlah dengan sopan santun, kerana jika ahli-ahli Umno tidak lagi mengamalkannya, maka perpaduan di dalamnya akan hancur."

Perdana Menteri berkata, "Rakan-rakan Umno menghampiri Umno bukan semata-mata kerana mereka sukakan Umno, sebaliknya mereka kagum dengan kekuatan perpaduan ahli-ahli dalam Umno dan corak perjuangannya yang realistik dan toleransi."

Datuk Seri Dr Mahathir tidak berasa silu untuk mengajak ahli-ahli Umno melihat kembali sejarah pergolakan yang pernah melanda parti itu sebelum ini yang sedikit sebanyak berpunca daripada keretakan setelah perpaduan di kalangan mereka terganggu.

Nasib bangsa

Dan beliau menyebut padah daripada pergolakan itu dengan sejarah apabila ada pemimpin Umno yang gagal menyesuaikan dirinya dengan 'adat' Umno telah keluar dan membentuk parti lain dan kemudian "datang semua untuk menentang Umno."

(Sejarah Umno mencatatkan dua kejadian seperti ini — pertama, apabila Pengerusi Biro Agamanya, Allahyarham Haji Ahmad Fuad dari Seberang Prai keluar parti itu untuk menubuhkan Parti Islam Se-Tanah Melayu (Pas) dan kemudian Allahyarham Datuk Onn Jaafar dari Johor, yang membentuk Parti Negara selepas IMP (Parti Bebas Malaya).

Intisari ucapan Datuk Seri Dr Mahathir di Kota Bharu di hadapan lebih 4,000 orang itu jelas menunjukkan beliau lebih bimbang kepada 'apa yang akan terjadi kepada nasib Umno sendiri dan bangsa Melayu' daripada kedudukan mana-mana pemimpin parti itu, termasuk beliau sendiri.

Ini diperjelaskan dalam ucapannya apabila beliau berkata, "Siapa yang memimpin Umno tidak penting, sebaliknya kekuatan Umno selepas sistem pemilihan menerusi demokrasi itu dilaksanakan, apakah perpaduan akan terus kukuh ataupun akan hancur."

Kepada Perdana Menteri, siapa yang memenangi sebarang pertandingan itu juga sebenarnya tidak penting, sama halnya tidak juga menjadi penting lagi sama ada mereka yang memimpin itu mempunyai pelajaran dan ilmu yang tinggi serta berke Layakan untuk memimpin di sebarang peringkat.

"Yang penting, sama ada perpaduan dalam Umno akan terus wujud atau tidak. Jika berlaku sebaliknya, maka titik-titik kehancuran Umno sudah jelas dan mereka yang menangpun tidak lagi boleh berbangga kerana kemenangannya nanti akan ditafsirkan sebagai mewakili sebilangan ahli sahaja," katanya.

Sebenarnya, reaksi awal yang ditunjukkan oleh Datuk Seri Dr Mahathir berhubung pemilihan kepemimpinan Umno bulan depan itu mungkin boleh dijadikan penyuluh kepada ahli-ahli parti itu yang secara tidak disedari sudah diheret oleh 'musuh dalam diri' mereka sendiri.

Tentulah masih belum terlambat bagi ahli-ahli Umno membunuh musuh jenis itu jika mereka mahu dan terus yakin bahawa Umno akan terus disegani, dihormati dan yang penting dapat terus digunakan sebagai bumbung harapan bangsa Melayu dan agama Islam di negara ini.

Datuk Seri Dr Mahathir sebenarnya tidak berkempen di Kota Bharu seperti yang mulanya dijangkakan oleh banyak pihak, termasuk pihak media-massa.

"PM saudara tidak berkempen, sebaliknya dia bercakap seperti seorang bapa yang sejati. PM saudara sebenarnya jitu," kata seorang wartawan dari negara jiran kepada saya. "Saya jangka dia akan hentam orang, terutama mana-mana pihak yang menentangnya," tambahnya.

Jitu atau tidak, terpulang kepada orang mentafsirkannya. Tetapi, yang sudah jelas bahawa Datuk Seri Dr Mahathir sudah menunjukkan sikapnya yang sebenar berhubung kedudukan pemimpin dalam Umno.

Kepada Perdana Menteri, bangsa Melayu, sama ada yang tinggal di desa-desa terpencil atau di bandar-bandar, sudah mengamanahkan kepada Umno bagi memelihara kepentingan mereka. Dan, buruk padahnya jika amanah itu dikhianati.

Inilah hakikat yang harus disedari oleh sesiapa sahaja yang ingin menjadi pejuang dalam Umno. Tetapi, berapa ramalkah dari kalangan mereka yang menyedari hakikat ini?